



## **MAJLIS AMANAH RAKYAT**

### **PROGRAM PINJAMAN PELAJARAN MARA**

### **PERINGKAT PASCA SISWAZAH LUAR NEGARA 2013**

Majlis Amanah Rakyat (MARA) sebagai sebuah organisasi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) berterusan membantu kelancaran Program Transformasi Ekonomi Negara dengan membangunkan modal insan yang berupaya menyumbang kepakaran dalam **12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA)**.

Selaras dengan motto “**Keusahawanan dan Pendidikan Global**”, MARA mempelawa anda untuk memohon pinjaman pelajaran MARA bagi mengikuti pengajian ke peringkat Sarjana, Profesional dan Doktor Falsafah di universiti terkemuka luar negara dalam bidang-bidang utama keperluan pembangunan Negara.

#### **1.0 SYARAT ASAS KELAYAKAN PERMOHONAN**

- 1.1 Pemohon DAN salah seorang ibu ATAU bapa berketurunan **Melayu / Bumiputera** dan **warganegara Malaysia**.
- 1.2 Had umur pemohon (sehingga 31 Disember 2013):

<b>Peringkat Pengajian</b>	<b>Had Umur</b>
Sarjana dan Profesional	Tidak melebihi 35 tahun
Doktor Falsafah	Tidak melebihi 40 tahun

- 1.3 **Telah menamatkan** pengajian terdahulu (Ijazah Pertama / Sarjana) atau **sekurang-kurangnya berada di semester akhir pengajian**.
- 1.4 Pengajian adalah pada tahap yang lebih tinggi daripada kelulusan sedia ada.
- 1.5 Pemohon perlu mempunyai kelayakan akademik minimum peringkat Ijazah Sarjana Muda untuk memohon tajaan MARA di peringkat Profesional. **Kelayakan akademik bagi peringkat sijil dan diploma tidak akan dipertimbangkan.**

- 1.6 Pemohon tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk pengajian atau peringkat yang sama.
- 1.7 Mendapat tawaran pengajian **bersyarat (*conditional offer*)** atau **tanpa syarat (*Unconditional Offer*)** daripada Institusi Pengajian Tinggi luar negara yang mempunyai ranking 50 tertinggi dalam bidang pengajian berkaitan atau ranking 50 tertinggi untuk Universiti berkenaan. Cadangan rujukan: [www.timeshighereducation.co.uk](http://www.timeshighereducation.co.uk), Academic Ranking of World Universities – [www.arwu.org](http://www.arwu.org) dan QS World University Ranking – [www.topuniversities.com](http://www.topuniversities.com).
- 1.8 Mendapat pelepasan / penangguhan kontrak perkhidmatan melalui kelulusan cuti belajar tanpa gaji atau pengesahan bertulis mengenai pelepasan / perletakan jawatan bagi calon yang sedang dalam perkhidmatan.
- 1.9 Mendapat pelepasan / penangguhan bayaran balik pinjaman daripada badan penaja yang menaja pengajian sebelum ini (kecuali MARA). Tiada tanggungan hutang pinjaman pelajaran atau berstatus *blacklist* bagi pengajian terdahulu sekiranya ditaja oleh MARA.
- 1.10 Tidak pernah ditamatkan bantuan oleh mana-mana penaja atas sebab tindakan disiplin dan menyalahi undang-undang negara dan tidak mempunyai rekod jenayah.

## 2.0 BIDANG PENGAJIAN DAN SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK

PERINGKAT PENGAJIAN	KURSUS / BIDANG PENGAJIAN	KELAYAKAN AKADEMIK
Sarjana / Doktor Falsafah	<p>i. <b>Bidang Teknikal</b></p> <p>a. <b>Sains Perubatan / Life Sciences</b> Perubatan, Pergigian, Psikiatri, Optometri, Veterinar, Farmasi, Fisioterapi, Radiografi, Bio Perubatan, Biologi Gunaan, dan Bioteknologi</p> <p>b. <b>Kejuruteraan</b> selain Kejuruteraan Awam</p> <p>c. <b>Teknologi</b> Senibina, Senibina Dalaman, Rekabentuk Dalaman, Perancangan Bandar dan Wilayah, Ukur Tanah, Ukur Bahan, Sains Komputer, Multimedia dan Teknologi Maklumat</p> <p>d. <b>Sains Fizikal</b> Sains Fizik, Astronomi, Kimia, Geologi, Meteorologi dan Oceanography.</p> <p>e. <b>Sains Tulen / Kuantitatif</b> – Sains Aktuari, Matematik, Sains Hayat, dan Statistik</p> <p>f. Lain-lain bidang teknikal yang dikenalpasti untuk keperluan negara</p>	<p><b>Bidang Teknikal</b> – memiliki Ijazah Sarjana Muda (untuk pengajian peringkat Sarjana) atau Ijazah Sarjana (untuk pengajian peringkat Doktor Falsafah) yang diiktiraf dengan memperoleh sekurang-kurangnya <b>CGPA : 3.00 ke atas atau setaraf dengannya.*</b></p>

PERINGKAT PENGAJIAN	KURSUS / BIDANG PENGAJIAN	KELAYAKAN AKADEMIK
	<p><b>ii. Bidang Bukan Teknikal</b></p> <p><b>a. Sains Sosial</b> – Ekonomi, Pentadbiran Perniagaan, Perbankan / Kewangan Islam, Perakaunan, Undang-Undang, Pembangunan Usahawan, Pengangkutan, Kewartawanan, Bahasa, Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti dan Pengajian Islam (Al-Quran &amp; As-Sunnah / Syariah / Usuluddin)</p> <p><b>b.</b> Lain Lain bidang bukan teknikal yang kritikal dan dikenalpasti untuk keperluan negara</p>	<p><b>Bidang bukan Teknikal</b> - memiliki Ijazah Sarjana Muda (untuk pengajian peringkat Sarjana) atau Ijazah Sarjana (untuk pengajian peringkat Doktor Falsafah) yang diiktiraf dengan memperoleh sekurang-kurangnya <b>CGPA : 3.50 ke atas atau setaraf dengannya.*</b></p>
<p><b>Profesional yang diiktiraf</b></p>	<p>i. <b>Perakaunan</b> – ACCA (5 kertas terakhir sahaja) / CIMA (6 kertas terakhir sahaja) / CFA / CA</p> <p>ii. <b>Senibina</b> – RIBA Part II, RIBA Part III</p> <p>iii. <b>Undang-undang</b> – LLM</p> <p>iv. Lain-lain bidang Profesional yang diiktiraf oleh Badan Profesional yang berkaitan dengan persetujuan MARA.</p>	<p>Memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf dengan memperoleh sekurang-kurangnya <b>CGPA : 3.00 ke atas atau setaraf dengannya.*</b></p>
<p><b>Nota*</b></p>		<p>Calon yang tidak memenuhi syarat CGPA seperti yang dinyatakan di atas akan dipertimbangkan sekiranya memiliki pengalaman kerja sekurang-kurangnya 2 tahun dalam bidang berkaitan yang dipohon.</p>

### 3.0 KELAYAKAN DAN TEMPOH PENAJAAN

- 3.1 Kursus yang ditaja adalah diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Badan Profesional yang berkaitan.
- 3.2 Permohonan terbuka untuk pengajian secara Kerja Kursus (*Coursework*) atau Penyelidikan (*By Research*) secara **sepenuh masa**.
- 3.3 Permohonan ini adalah terbuka bagi kemasukan sesi pengajian yang bermula di antara **Julai 2013 hingga April 2014**.
- 3.4 Tempoh pengajian bagi setiap peringkat pengajian adalah seperti berikut:

PERINGKAT PENGAJIAN	TEMPOH PENAJAAN
Sarjana dan Profesional	1 hingga 2 tahun
Doktor Falsafah	3 hingga 4 tahun

### 4.0 MAKLUMAN LAIN

- 4.1 Hanya calon yang layak dan menepati syarat-syarat yang ditetapkan akan diberi keutamaan.
- 4.2 Calon dikehendaki menguruskan sendiri penempatan ke Institusi Pengajian Tinggi Terkemuka Luar Negara. Maklumat lanjut mengenai universiti boleh didapati daripada badan berkaitan antaranya:
  - 4.2.1 British Council (UK) - Tel: 03-2723 7900
  - 4.2.2 Malaysian British Educational Cooperation Services (MABECS)  
Tel: 03-7956 7655
  - 4.2.3 Irish Universities & Medical Schools Consortium (Ireland)  
Tel: 03-2163 2302
  - 4.2.4 Australian Education International  
Tel: 03-2146 5644
  - 4.2.5 German Academic Exchange Service (DAAD-KL)  
Tel: 03-9235 1841
  - 4.2.6 Canadian Education Centre - Tel: 03-2162 2901
  - 4.2.7 Malaysian American Commission on Educational Exchange (MACEE)  
Tel: 03-2166 8878

## 5.0 PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (online) di laman web MARA <http://www.mara.gov.my> mulai 5 Mac 2013 – 14 Mac 2013.
- 5.2 Maklumat terkini mengenai status permohonan akan diberikan dari semasa ke semasa melalui laman web MARA.
- 5.3 Permohonan yang tidak mendapat maklumbalas daripada pihak MARA selepas 31 April 2013 adalah dianggap tidak berjaya dan keputusan adalah muktamad.

## 6.0 PERTANYAAN

- 6.1 Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh menghubungi seperti butiran di bawah :

Pengarah  
Bahagian Penganjuran Pelajaran  
Tingkat 3, Ibu Pejabat MARA  
Jalan Raja Laut, 50609 Kuala Lumpur

Telefon : 03-2613 9072 / 9073 / 9074 / 4372

Waktu urusan : 9.00 pagi hingga 5.00 petang

Email : [infoBPP@mara.gov.my](mailto:infoBPP@mara.gov.my)

Facebook : [www.facebook.com/Pasca2013](http://www.facebook.com/Pasca2013)